

CABARAN DALAM USAHA MEMBANGUNKAN DAN MELAKSANAKAN MODUL PEMULIHAN DI DALAM PENJARA UNTUK PESALAH JENAYAH SYARIAH

(Challenges in Developing and Implementing Rehabilitation Modules in Prisons for Person Convicted for Syariah Offences)

Jamaludin Saad

jamald@prison.gov.my

Bahagian Pengurusan Banduan,
Jabatan Penjara Malaysia,
Kompleks Penjara Malaysia,
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

Abstrak

Makalah ini membentangkan pengalaman dalam membangunkan dan melaksanakan modul pemulihan dalam penjara. Rujukan dibuat kepada dokumen dan aktiviti berkaitan dengan modul pemulihan serta pemerhatian pelaksanaan modul tersebut. Selain itu, maklumat daripada unit statistik Jabatan Penjara Malaysia juga dirujuk. Rujukan kepada program pemulihan di Jabatan Penjara Malaysia akan menunjukkan perancangan aktiviti rawatan dan pemulihan fizikal, mental, sikap, akhlak dan rohani. Pembangunan modul yang mengambil kira pendidikan dan bimbingan untuk pesalah yang dihukum oleh mahkamah sivil ini dilihat bersesuaian untuk pesalah jenayah syariah.

Kata kunci: penjara, pesalah jenayah, modul pemulihan, mahkamah syariah

Abstract

This article presents the experience of developing and implementing rehabilitation modules in prisons. Reference is made to documents and activities relating to rehabilitation modules and observations of the implementation of such modules. Information from the statistics unit of the Prisons Department of Malaysia is also referred to. Reference to rehabilitation programmes conducted by the Prisons Department of Malaysia will reveal the planning of activities related to the treatment and rehabilitation of the inmates' physical, mental, attitudinal, moral and spiritual aspects. The development of the modules takes into account education and guidance for shariah offenders.

Keywords: prison, offenders, rehabilitation modules, shariah courts

PENDAHULUAN

Jabatan Penjara Malaysia, dalam usaha mempertingkatkan mutu perkhidmatannya selaras dengan perkembangan semasa Perkhidmatan Koreksional, telah mengambil langkah-langkah yang positif ke arah transformasi perkhidmatan yang lebih menepati keperluan masyarakat. Penambahbaikan terhadap kaedah pemulihan dilaksanakan secara berterusan, menepati kepada keperluan pesalah mengikut kategori mereka.

Melalui penambahbaikan ini, Jabatan Penjara Malaysia telah membentuk program pelaksanaan yang dinamakan Program Pembangunan Insan untuk pesalah yang ditempatkan di penjara. Program ini mengandungi modul pemulihan yang digubal mengikut kesesuaian dan kategori pesalah. Modul ini terdiri daripada, enam modul utama, iaitu Modul Pendidikan dan Bimbingan, Modul Halaqah, Modul *Therapeutic Community*, Modul Akademik, Modul Pesalah Berulang (*recidivist*) dan Modul Pesalah Reman.¹

Modul Pendidikan dan Bimbingan disokong oleh Sub-Modul Pesalah Jenayah Umum, Sub-Modul Pesalah Kolar Putih, Sub-Modul Pesalah Seksual, Sub-Modul Pesalah Trafik. Kekuatan modul ini disokong dengan pengisian pendidikan dalam Sub-Modul Kenegaraan, Sub-Modul Kebudayaan, Sub-Modul Pengurusan Diri, Sub-Modul Moral, Sub-Modul Muhasabah Diri, Sub-Modul Kemasyarakatan, Sub-Modul Kemahiran Sosial, Sub-Modul Perlakuan Jenayah, Sub-Modul Kerohanian, dan Sub-Modul Terapi Kekeluargaan.²

Penambahbaikan ini tidak terhenti dengan apa yang ada, Jabatan Penjara Malaysia terus berusaha mengenal pasti keperluan dalam bidang pemulihan pesalah. Hal ini bagi memastikan pesalah menerima program pemulihan yang mampu mengubah dan memulihkan mereka menjadi rakyat bernilai kepada bangsa, negara dan agama, apabila mereka kembali ke pangkuan masyarakat.

PROGRAM PEMULIHAN

Program dan proses pemulihan pesalah oleh Jabatan Penjara Malaysia telah dimulakan dengan program khidmat bakti dan dikenali sebagai “Sistem Ibrahim”.³ Program ini seterusnya diperluas dengan menggunakan kaedah yang diintegrasikan melalui aktiviti pemulihan, vokasional, agama, dan latihan fizikal. Pada bulan Julai 1980, Program Konsultatif diperkenalkan sebagai

1 Modul Pemulihan Pesalah, Jabatan Penjara Malaysia.

2 Modul Pemulihan Pesalah, Jabatan Penjara Malaysia.

3 <<http://www.prison.gov.my>> (Capaian pada 10 Oktober 2011).

sokongan terhadap sistem pemulihan dan rawatan. Program ini disusuli pula oleh Program *Therapeutic Community* yang diperkenalkan pada bulan September 1992 sebagai alternatif bagi modul pemulihan yang dibentuk khusus bagi penagih dadah. Seterusnya, Program Halaqah diperkenalkan pada bulan Februari 1996 sebagai langkah pemulihan alternatif yang dibentuk untuk banduan beragama Islam. Program ini memberikan tumpuan terhadap pembelajaran serta latihan amali ilmu agama dan kerohanian. Bagi tujuan pengukuhan keseluruhan program pemulihan, pada bulan Februari 2002, sistem pemulihan dilaksanakan melalui Program Pembangunan Insan (PPI).⁴

Pelaksanaan pemulihan pesalah di Jabatan Penjara Malaysia meletakkan objektifnya sebagai “memulihkan pesalah supaya bersikap positif dan memiliki nilai murni agar dapat kembali ke pangkuan masyarakat apabila dibebaskan sebagai individu yang normal”.⁵ Objektif ini memberikan penekanan yang tinggi terhadap keberkesanan pemulihan yang dilaksanakan terhadap pesalah. Kegagalan dalam proses pemulihan akan menyebabkan pesalah pulang kepada masyarakat dengan tabiat dan perlakuan asal yang akan memberikan impak negatif terhadap kestabilan dan keharmonian sosial.

Oleh yang demikian, Jabatan Penjara Malaysia, melalui Seksyen Pemulihan, Bahagian Pengurusan Banduannya, perlu berfungsi dengan cekap untuk merancang dan melaksanakan program dan aktiviti rawatan dan pemulihan kepada pesalah bagi memperbaiki dan membina semula fizikal, mental, sikap, akhlak, dan rohani berasaskan nilai murni. Seterusnya, membentuk pendekatan pemulihan yang benar-benar bersesuaian dengan keperluan pesalah agar perubahan sikap yang positif terhasil dalam kalangan pesalah. Bagi memastikan fungsi ini menjadi panduan dalam pemulihan, Jabatan Penjara Malaysia meletakkan keyakinan diri pada setiap anggotanya bahawa setiap pesalah merupakan individu yang berpotensi untuk dipulihkan dan berguna kepada masyarakat. Mereka perlu dididik dan diberikan pendedahan serta latihan dari aspek jasmani dan kerohanian bagi keperluan dunia dan akhirat.

Keseimbangan ilmu dunia dan akhirat ini diperkukuh dengan lima elemen teras dalam pemulihan:

- K : *Knowledge* (Pengetahuan)
- A : *Attitude* (Sikap)
- S : *Skill* (Kemahiran)
- I : *Intelligence* (Kecerdasan)
- H : *Humanity* (Kemanusiaan)

4 <<http://www.prison.gov.my>> (dirujuk pada 10 Oktober 2011).

5 <http://www.prison.gov.my/portal/page/portal/hijau/pemulihan#Fungsi%20Bahagian>



Rajah 1 Aktiviti yang diikuti banduan dalam program pemulihan.
Sumber: Arkib Jabatan Penjara Malaysia.

PROGRAM PEMBANGUNAN INSAN (PPI)

Program Pembangunan Insan (PPI) merupakan sistem pemulihan yang bersepadu, merangkumi aktiviti fizikal dan kerohanian. PPI dilaksanakan dengan memberikan penekanan terhadap pembentukan disiplin dan disusuli dengan pembentukan sahsiah untuk membina semula sikap jati diri dan keyakinan diri dalam kalangan pesalah.⁶ Pesalah kemudiannya dibekalkan dengan kemahiran melalui kelas vokasional yang disokong melalui pensijilan oleh agensi yang berkaitan.⁷

Pesalah juga berpeluang melanjutkan pelajaran melalui program pengajian akademik⁸ yang disediakan dari peringkat Kelas 3M, Penilaian Menengah Rendah, Sijil Pelajaran Malaysia, Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia, hinggalah ke peringkat pengajian tinggi seperti diploma, sarjana muda, dan sarjana (bagi mereka yang berkelayakan).

6 Bahagian Pengurusan Banduan, Jabatan Penjara Malaysia.

7 Bahagian Pengurusan Banduan, Jabatan Penjara Malaysia.

8 Peluang melanjutkan pelajaran bagi banduan ini sebagaimana diperuntukkan oleh Peraturan 151(1) Peraturan Penjara 2000.



Rajah 2 Pesalah berpeluang melanjutkan pelajaran menerusi program pengajian akademik.
Sumber: Arkib Jabatan Penjara Malaysia.

Modul terakhir dalam PPI ialah modul pempasyarakatan yang bertujuan memberi latihan dan persediaan dalam kalangan pesalah untuk diintegrasikan semula dalam masyarakat. Modul ini melibatkan program yang dilaksanakan di bawah Kem Pempasyarakatan dan Parol.

KERANGKA PPI

PPI dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mengikut sistem fasa yang mempunyai tempoh masa yang tertentu.

Fasa 1 merupakan fasa untuk pesalah mengikuti Modul Pendidikan dan Bimbingan. Fasa ini meliputi tempoh masa antara dua atau tiga bulan berpandukan kriteria pesalah. Fasa ini menumpukan pembentukan kepatuhan disiplin diri dan peraturan, kenegaraan dan sivik, kesihatan dan kebersihan diri.⁹

Fasa 2 ialah fasa pengukuhan sahsiah. Pesalah akan mengikuti empat modul utama, iaitu Modul Pendidikan dan Bimbingan (yang merupakan sambungan fasa 1), Modul Halaqah bagi yang beragama Islam atau Modul Moral bagi yang bukan beragama Islam. Modul TC (*Therapeutic Community*) dan Akademik juga dilaksanakan dalam tempoh fasa 2 bagi pesalah yang berkecayakan dan berminat.¹⁰

Fasa 3 ialah fasa kemahiran yang membuka peluang kepada pesalah untuk membina kemahiran diri dalam bidang vokasional. Kemahiran vokasional ini turut dibantu oleh beberapa agensi yang membolehkan kemahiran dipersijilkan.¹¹

9 Bahagian Pengurusan Banduan, Jabatan Penjara Malaysia.

10 Bahagian Pengurusan Banduan, Jabatan Penjara Malaysia.

11 Bahagian Pengurusan Banduan, Jabatan Penjara Malaysia.



Rajah 3 Pesalah diberi latihan kemahiran.
Sumber: Arkib Jabatan Penjara Malaysia.

Fasa 4 ialah fasa persediaan kepada pesalah untuk menyertai program pemasyarakatan (di kem-kem pemasyarakatan dan juga parol).¹²

PESALAH SYARIAH

Merujuk Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah-wilayah Persekutuan 1997, pesalah syariah ialah “seseorang yang telah dijatuhkan hukuman oleh mahkamah kerana melakukan kesalahan” di bawah Akta Kesalahan Jenayah Syariah 1997”. Kesalahan syariah dapat dibahagikan kepada beberapa kategori. Kategori pertama ialah kesalahan akidah. Contohnya pengisytiharan seseorang sebagai rasul, nabi, imam mahdi atau wali yang memberikan hukuman tidak lebih tiga tahun penjara.¹³ Kategori kedua ialah kesalahan syariah di bawah kategori kesucian agama Islam dan institusinya.¹⁴ Contohnya, kesalahan menghina agama Islam atau menyebabkan agama Islam dihina yang memberikan hukuman tidak lebih dua tahun penjara. Kategori ketiga ialah kesalahan pelbagai.¹⁵ Contoh kesalahan kategori ini seperti memujuk lari atau mendorong atau memujuk mana-mana perempuan supaya lari daripada jagaan ibu bapanya atau penjaganya yang memberikan hukuman tidak lebih dua tahun penjara.

Terdapat beberapa sebab mengapa orang Islam melakukan kesalahan jenayah syariah. Sebab pertama ialah kejahilan agama, iaitu individu atau kumpulan yang tidak berpengetahuan langsung tentang kehidupan sebagai seorang yang beragama Islam, atau Islam dan amalannya; atau tahu sedikit-sedikit sahaja; atau tahu tapi tidak mengamalkan; atau tahu tapi bersikap tidak ambil tahu. Sebab yang kedua ialah jahil tentang undang-undang dan

12 Bahagian Pengurusan Banduan, Jabatan Penjara Malaysia.

13 Seksyen 3 - 6 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997.

14 Seksyen 7 - 19 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997.

15 Seksyen 30 - 42 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997.

hukum, yakni kalangan individu atau kumpulan yang tidak tahu dan faham tentang undang-undang Islam. Sebab ketiga ialah kurangnya penguatkuasaan dan tahap hukuman, yakni tidak wujud perasaan takut dan gusar kepada penguatkuasaan terutamanya undang-undang syariah.

PEMULIHAN PESALAH SYARIAH

Sebagaimana pesalah sivil, pesalah syariah juga perlu dipulihkan dan tidak sekadar dihukum. Hukuman terhadap mereka telah ditentukan oleh mahkamah, dan penjara merupakan tempat mereka menjalani hukuman. Sepanjang tempoh pemenjaraan mereka terkurung dan hilang hak kebebasan tertentu. Walau bagaimanapun, tempoh pemenjaraan tersebut wajar digunakan dengan sebaik-baiknya untuk faedah mereka sendiri sebagai seorang manusia dan juga seorang yang beragama Islam.

Maka, seharusnya satu modul pemulihan pesalah syariah dibentuk agar dapat membantu pesalah ini mendapat manfaat yang terbaik walaupun dalam tempoh mereka menjalani hukuman. Dalam waktu yang sama juga, anggota penjara atau pegawai pemulihan penjara, harus memiliki panduan dan kaedah yang tersusun untuk membantu pesalah membetulkan kesilapan yang telah dilakukan dalam kehidupannya. Sebagaimana pesalah sivil, mereka juga perlu dibantu untuk memulihkan dirinya secara luaran dan dalaman, yakni fizikal dan rohaninya.

PEMULIHAN LUARAN

Secara luaran pesalah syariah perlu menjalani program pemulihan berbentuk aspek fizikal sebagai panduan menjalani kehidupan yang sihat dari segi pergaulan, pemakanan dan penjagaan diri.¹⁶ Mereka juga perlu menjalani program pemulihan aspek disiplin agar mereka memahami adat, budaya, kesopanan dan tatasusila kehidupan dan membiasakan kehidupan dirinya agar patuh kepada undang-undang dan peraturan. Selain itu untuk memberikan kefahaman bahawa kehidupan ialah anugerah daripada Allah SWT yang tidak ternilai sebagai sebaik-baik makhluk manusia. Mereka harus menjalani program pemulihan berbentuk khidmat sosial, seperti khidmat masyarakat di masjid, rumah anak yatim, tempat OKU dan sebagainya bagi mewujudkan keinsafan dan kesedaran dalam dirinya.

16 Wan Roslili Abd. Majid, 2012, *Legal Protection for Muslim Women Prisoners in Malaysia*, Disertasi yang Tidak Diterbitkan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, hlm. 195.

PEMULIHAN DALAMAN

Pemulihan kerohanian merupakan elemen utama untuk pesalah syariah. Pemulihan ini melibatkan beberapa aspek utama termasuk yang pertamanya aspek ilmu keagamaan.¹⁷ Dalam aspek ini pesalah perlu menjalani pendidikan atau pendidikan semula bagi memahami dengan jelas dan mendalami Islam sebagai cara hidup serta memahami dan mengamalkan segala perintah Allah SWT dan menjauhi larangannya.

Aspek kedua ialah kaunseling yang berkonsepkan keagamaan dan kehidupan harian. Tujuannya agar mereka dapat mengenali diri sendiri (kekurangan dan kekesalan sendiri) serta membentuk kekuatan dalam diri untuk mengawal dan mengurus diri daripada terjebak dalam perkara yang mungkar pada masa hadapan. Aspek ketiga, untuk membetulkan dan membentuk akhlak bagi membantu pesalah membina nilai diri dan nilai sosial dengan sifat sebagai seorang Muslim. Seterusnya, terapi kerohanian, iaitu program pemulihan yang dapat membantu mereka membentuk hati dengan sifat tawakal, reda, bersyukur, istiqamah dan bertaubat.

Merujuk keperluan tersebut adalah wajar satu modul yang sistematik dibentuk untuk membantu kalangan pesalah syariah membetulkan kesilapan yang pernah mereka lakukan. Mereka perlu diberikan pendidikan agama yang sewajarnya kerana kebanyakan kesalahan yang dilakukan adalah berkaitan dengan akhlak dan akidah dan bukannya jenayah keganasan seperti pesalah yang disabitkan kesalahan oleh mahkamah sivil.

Melihat kepada jumlah pesalah syariah yang agak besar dan semakin meningkat harus diwujudkan satu modul khusus untuk pesalah syariah. Pada tahun 2011 terdapat seramai 372 orang pesalah syariah yang disabitkan kesalahan, sementara pada tahun 2012 seramai 372 orang juga, tetapi bagi tahun 2013 sehingga bulan Jun terdapat seramai 406 orang pesalah yang disabitkan.¹⁸

MODUL PEMULIHAN PESALAH SYARIAH

Sebagaimana modul pemulihan untuk pesalah lain, dalam program pemulihan syariah ini pesalah syariah juga perlu menjalani tempoh induksi yang dilaksanakan dalam tempoh tujuh hari.¹⁹ Induksi ini perlu untuk pesalah menjalani ujian psikologi bagi mengesan kestabilan emosi pesalah. Dalam

17 Wan Roslili Abd. Majid, 2012, *Legal Protection for Muslim Women Prisoners in Malaysia*, Disertasi yang Tidak Diterbitkan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, hlm. 179.

18 Statistik Jabatan Penjara Malaysia.

19 Bahagian Pengurusan Banduan, Jabatan Penjara Malaysia.

induksi ini pesalah mengikuti kaunseling individu bagi menenangkan diri apabila dihukum penjara, mengikuti ujian tahap pengetahuan dan amalan agama, dan mengikuti temu duga pegawai kebajikan dan tapisan rawatan kesihatan.

Dalam fasa 1, iaitu fasa orientasi selama tempoh 2 atau 3 bulan untuk pesalah mengikuti submodul pembinaan disiplin dan sahsiah diri.²⁰ Dalam fasa ini proses pendidikan pesalah diisi dengan pembelajaran untuk pembentukan diri, muhasabah diri, pengurusan diri, kemahiran sosial, kenegaraan dan perlakuan jenayah. Fasa ini merupakan fasa persiapan diri kepada pesalah sebelum mengikuti modul pemulihan yang lebih intensif berkaitan ilmu keagamaan, akhlak dan terapi kerohanian.

Dalam fasa 2, iaitu fasa pengukuhan sahsiah yang akan diberikan selama tempoh enam bulan akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mengikut tahap, iaitu tahap 1 yang merupakan tahap rawatan dan pemulihan selama dua bulan yang lebih tertumpu pada pembelajaran agama.²¹ Pelajaran ini merangkumi pembelajaran akidah, taubat, solat, kenali diri dan istiqamah. Tahap 2 ialah tempoh pembangunan jati diri yang dilaksanakan selama dua bulan merangkumi pembelajaran konsep balasan dalam Islam, hikmah perintah dan larangan Allah SWT, pencegahan dan kawalan diri. Tahap 3 pula ialah tahap penghayatan, iaitu pesalah dilatih mengamalkan dan menghayati Islam sebagai cara hidup. Selain itu, pembelajaran gaya hidup seorang Islam, hidup bermasyarakat, konsep tahan diri, tawakal, syukur dan reda juga diberikan.

Fasa 3 pula meliputi kemahiran dan vokasional selama tempoh enam bulan.²² Dalam fasa ini pesalah diberikan peluang mengikuti sama ada pengajian akademik atau kemahiran vokasional sebagai ilmu tambahan sebagai bekalan apabila dibebaskan kelak. Fasa 4 pula ialah fasa prabebas.²³ Dalam kalangan pesalah yang telah mengikuti fasa 1, 2 dan 3 dengan cemerlang beroleh keistimewaan sebagai banduan prabebas.

KESIMPULAN

Membina modul pemulihan pesalah syariah memerlukan penglibatan bijak pandai dan ahli yang arif dalam bidang keagamaan, motivasi, psikologi dan kaunseling. Kerjasama Jabatan Penjara Malaysia bersama-sama dengan Jabatan Kehakiman Syarie Malaysia (JKSM), Jabatan Kemajuan Islam

20 Bahagian Pengurusan Banduan, Jabatan Penjara Malaysia.

21 Bahagian Pengurusan Banduan, Jabatan Penjara Malaysia.

22 Bahagian Pengurusan Banduan, Jabatan Penjara Malaysia.

23 Bahagian Pengurusan Banduan, Jabatan Penjara Malaysia.

Malaysia (JAKIM), Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan lain-lain agensi yang berkaitan amat penting dalam menghasilkan modul yang telah dibincangkan. Modul yang disediakan ini diharap mampu memulihkan pesalah termasuk pesalah syariah. Walaupun terdapat kerisauan pengaruh pesalah lain terutamanya pesalah jenayah keganasan terhadap pesalah syariah apabila mereka ditempatkan dalam satu institusi, Jabatan Penjara Malaysia ada juga melakukan pengasingan terhadap jenis pesalah yang berlainan.²⁴ Sekiranya kita mampu memastikan program pemulihan dan layanan di Pusat Koreksional di bawah Jabatan Penjara Malaysia ini selaras dengan kehendak Islam mungkin tiada keperluan untuk diadakan penjara khas untuk pesalah syariah.

RUJUKAN

Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997.

Bahagian Pengurusan Banduan, Jabatan Penjara Malaysia.

<http://www.prison.gov.my>> (Capaian pada 10 Oktober 2011).

Peraturan 151(1) Peraturan Penjara 2000.

Siti Zubaidah Ismail, “Penjara Khas bagi Pesalah Syariah: Suatu Keperluan?” [2013] 2 *ShLR* i.

Wan Roslili Abd. Majid, 2012. “*Legal Protection for Muslim Women Prisoners in Malaysia*”. Disertasi yang Tidak Diterbitkan. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

24 Lihat Siti Zubaidah Ismail, “Penjara Khas bagi Pesalah Syariah : Suatu Keperluan?” [2013] 2 *ShLR* i.